



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGLIBATAN WANITA DALAM PERUSAHAAN MIKRO

SARIMAH MISMAN

FEM 1995 3

PENGLIBATAN WANITA DALAM PERUSAHAAN MIKRO

OLEH

SARIMAH MISMAN

**Tesis Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi Syarat Bagi
Mendapatkan Ijazah Master Sains di Jabatan Pengurusan
Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia**

JANUARI 1995



PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Terutamanya kepada Dr. Jariah Hj. Masud selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan bagi kajian ini. Saya amat berterima kasih di atas bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan dari awal sehingga kajian ini dapat disempurnakan.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Dr. Nurizan Yahaya, Dr. Husna Sulaiman dan Dr. Napsiah yang telah memberikan bimbingan dalam peringkat penulisan kajian. Tidak lupa juga saya merakamkan terima kasih kepada pegawai dan agen pengembangan RISDA yang telah memberikan kerjasama dan bantuan semasa kajian ini dijalankan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada penduduk daerah Batu Pahat, Segamat, Pontian dan Muar yang telah memberikan kerjasama sebagai responden bagi kajian ini.



Saya juga ingin merakam ucapan terima kasih kepada semua pensyarah, kakitangan Pusat Komputer Universiti Pertanian dan rakan-rakan yang telah banyak membantu dan memberikan kerjasama serta bimbingan semasa saya mengikuti pengajian serta menjalankan kajian di Universiti Pertanian Malaysia.

Akhir sekali, setinggi penghargaan di atas sokongan dan galakan yang diberikan oleh Abdullah dan keluarga tersayang.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH.....	xi
NAMA SINGKATAN.....	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT.....	xvi
BAB	
I PENDAHULUAN	
Pengenalan.....	1
Kenyataan Masalah.....	4
Kepentingan Kajian	6
Objektif Am Kajian.....	7
Objektif Khusus.....	8
Definisi Konsep.....	8
Batasan Kajian	10
II SOROTAN LITERATUR	
Wanita dan Pembangunan.....	11
Peranan Wanita Dalam Pembangunan	15
Penglibatan Wanita Dalam Aktiviti Perusahaan Mikro.....	21
Teori Menerangkan Penglibatan Wanita dalam Perusahaan Mikro.....	25



Teori Motivasi.....	26
Teori Peruntukan Masa	28
Teori Pengeluaran Isirumah.....	30
Ideologi Pembahagian Kerja Tenaga Buruh Mengikut Jantina.....	33
Kerangka Konsep dan Rumusan.....	35
Faktor-Faktor Mempengaruhi Penglibatan Dalam Perusahaan Mikro.....	40
Faktor Sosio Demografi.....	43
Faktor Sumber Diri.....	50
Bantuan Agensi.....	52
Masalah Penglibatan Wanita Dalam Aktiviti Perusahaan Mikro.....	57
Faktor Kejayaan Projek.....	62

III METODOLOGI KAJIAN

Kerangka Angkubah Kajian	67
Angkubah Kajian.....	70
Angkubah Bergantung.....	70
Angkubah Bebas.....	71
Lokasi Kajian	79
Sampel.....	80
Kaedah Persampelan.....	81
Instrumentasi kajian.....	83
Pengumpulan Data.....	83
Analisis Data.....	85



V HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Responden	86
Umur.....	87
Tahap pendidikan	92
Pekerjaan.	96
Latar Belakang Sosioekonomi Keluarga...98	
Pendapatan.	98
Pemilikan Tanah... ..	102
Latar Belakang Perusahaan	103
Jangkamasa Penubuhan perusahaan.....	108
Lokasi Perusahaan.....	110
Bilangan Pekerja.....	112
Modal.....	115
Lokasi Perusahaan.....	118
Kaedah Pemasaran.....	120
Cara Pengeluaran Perusahaan....	122
Masalah Perusahaan.....	124
Perubahan Pendapatan.....	132
Kepuasan Hidup.....	136
Penglibatan Responden Dalam Perusahaan.....	140
Sebab Melibatkan Diri Dalam Perusahaan.....	140
Pendorong Responden.....	141



Aktiviti Perusahaan.....	144
Jangkamasa Operasi.....	150
Pengurusan Masa.....	154
Aktiviti Domestik.....	154
Aktiviti Sosial.....	157
Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Wanita Dalam Perusahaan.....	159
Sumber Diri.....	159
Input agensi.....	180
Input Keluarga.....	185
Profil Pengusaha Wanita.....	188
Profil Pengusaha Berpotensi.....	190
Aspek Sosio Demografi.....	191
Personaliti Pengusaha Berpotensi.....	193
Latarbelakang Perusahaan.....	195
Caragaya Pengurusan Perusahaan.....	199
Bantuan Dan Sokongan.....	200
 V RUMUSAN DAN CADANGAN	
Rumusan.....	204
Ringkasan Penemuan.....	206
Cadangan Kajian.....	214
Kesimpulan.....	220
BIBLIOGRAFI.....	221



LAMPIRAN

A - Soal Selidik Penyelidikan	232
B - Kajian Kes (Pemerhatian).....	255
C - Surat Kebenaran.....	265
D - Rajah Tambahan.....	267
VITA.....	268



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1	Peratus Penglibatan Gunatenaga Wanita Mengikut Sektor, 1970-1990 19
2	Taburan Umur Responden Dan Suami..... 88
3	Taburan Responden Mengikut Jangkamasa Perkahwinan..... 89
4	Taburan Umur Anak-Anak Responden91
5	Taburan Tahap Pendidikan Responden, Suami dan Anak Responden.....95
6	Taburan Pendapatan Keluarga Responden.....99
7	Taburan Purata Pendapatan Keluarga Mengikut Sumber101
8	Taburan Responden Mengikut Jenis Perusahaan Yang Diusahakan dan Pendapatan Diperolehi.....107
9	Taburan Responden Mengikut Jangkamasa Perusahaan Beroperasi110
10	Taburan Jumlah Bilangan Pekerja Sepenuh Masa Mengikut Jenis Perusahaan113
11	Taburan Nilai Modal Perusahaan Peringkat Permulaan dan Modal Semasa Perusahaan.....119
12	Taburan Responden Mengikut Masalah Perusahaan.....131
13	Tahap Pendapatan Keluarga Responden Sebelum dan Selepas Melibatkan Diri Dalam Perusahaan135
14	Taburan Mengenai Kepuasan Hidup Responden.....139
15	Pendorong Dan Sebab Responden Terlibat Dalam Perusahaan.....143



16	Taburan Purata Masa Aktiviti Perusahaan.....	149
17	Taburan Responden Mengikut Kekerapan Pengeluaran Barangan.....	153
18	Taburan Responden Mengikut Aktiviti Dan Masa (Minit/Minggu)	158
19	Taburan Responden Mengikut Tahap Pengetahuan Mengenai Perusahaan.....	162
20	Taburan Responden Mengikut Tahap Kemahiran....	168
21	Kriteria Dan Tingkahlaku Pengusaha.....	171
22	Taburan Responden Mengikut Jenis Kursus Yang Diikuti.....	176
23	Taburan Responden Mengikut Perancangan Masa Hadapan Perusahaan.....	178
24	Input Agensi Yang Diterima Oleh Responden.....	185
25	Perbezaan Profil Pengusaha Wanita (Latar belakang)	197
26	Perbezaan Profil Pengusaha Wanita (Operasi Perusahaan).....	202



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Model Aktiviti Pengeluaran Produktif	36
2	Rangka Angkubah Kajian	69
3	Peta Lokasi Kajian.....	267



NAMA SINGKATAN

- AIM - Amanah Ikhtiar Malaysia
- FAO - Food and Agriculture Organization of the United Nations
- FELCRA- Lembaga Pemulihan Dan Penyatuan Tanah Persekutuan
- IWTC - International Women's Tribune Centre
- IFAD - International Fund for Agricultural Development
- LPP - Lembaga Pertubuhan Peladang
- MARA - Majlis Amanah Rakyat Malaysia
- MIDA - Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
- MIDF - Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia
- PWPK - Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil
- RISDA - Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
- RM6 - Rancangan Malaysia Keenam
- TSE - Tabung Sosio Ekonomi
- TUW - Tabung Usahawan Wanita



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti
Pertanian Malaysia sebagai memenuhi syarat keperluan
untuk mendapatkan Ijazah Master Sains.

PENGLIBATAN WANITA DALAM PERUSAHAAN MIKRO

OLEH

SARIMAH MISMAN

JANUARI, 1995

Pengerusi: Jariah Hj Masud Ph.D.

Fakulti: Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penglibatan wanita dalam aktiviti perusahaan mikro dan menilai sumbangan penglibatan mereka terhadap pendapatan keluarga. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual dengan 62 orang wanita keluarga pekebun kecil. Data kualitatif didapati daripada pemerhatian ikut serta yang dijalankan ke atas lapan buah keluarga.

Wanita yang terlibat dalam kajian ini mengusahakan tiga jenis perusahaan mikro, iaitu perusahaan makanan basah, makanan ringan dan kraftangan. Penemuan kajian



mendapati penglibatan wanita dalam perusahaan mikro dapat meningkatkan pendapatan keluarga, sebanyak 45%. Kajian juga mendapati perusahaan jenis makanan basah yang diusahakan sepenuh masa menyumbang jumlah pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan perusahaan jenis makanan kering dan perusahaan bukan makanan kerana saiz pengeluaran perusahaan makanan basah didapati lebih besar. Pendapatan perusahaan makanan menyumbang 55% kepada jumlah pendapatan bulanan keluarga.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengusaha wanita menerima bantuan paling banyak dalam bentuk tenaga buruh daripada keluarga dan khidmat nasihat daripada agensi pembangunan. Pemerhatian juga mendapati pengusaha wanita yang berjaya mempunyai motivasi diri yang tinggi, berkeyakinan, berfikiran jauh, berdisiplin dan mempunyai pendedahan dari segi keusahawanan dan mempunyai kemahiran komunikasi yang baik.



Sebagai kesimpulan, wanita mempunyai potensi untuk meningkatkan tahap hidup keluarga melalui penglibatan mereka dalam perusahaan mikro. Usaha menggalakkan penglibatan wanita dalam bidang tersebut, perlu memberi tumpuan kepada sumber diri, pendedahan dalam aspek pengurusan perusahaan, sokongan keluarga dan input agensi. Faktor-faktor tersebut menjadi penggerak utama kepada wanita untuk melibatkan diri dan seterusnya berjaya dalam aktiviti perusahaan mikro.



Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti
Pertanian Malaysia as fulfilment of the requirement
for the degree of Master of Science.

WOMEN'S INVOLVEMENT IN MICRO-ENTERPRISE

BY

SARIMAH MISMAN

JANUARY, 1995

Chairman : Jariah Hj Masud Ph.D

Faculty : Human Ecology

The objective of this study was to identify the factors influencing women's involvement in micro-enterprise and to evaluate their contributions to family income. Data were collected by interviewing 62 women of the smallholder families. The observation method was carried out on eight families.

The women in this study were involved in three types of micro-enterprise, namely wet food, snack food and handicraft production. The study revealed that women's



involvement in micro-enterprises contributed an average of 45% to the family income. The highest mean income increase was attained from food processing activities since it was operated on a larger production scale. Food processing enterprise contributed 55% to the total of the family income. The study also revealed that women entrepreneur received the most support in terms of family labour hours and advisory from development agencies personnel.

It was observed that the successful women tend to be resourceful, highly motivated, confident, future oriented, disciplined and were exposed to entrepreneurship matters and had good communication skills.

Women have the potential to uplift the family level of living through their participation in micro-enterprise. Programmes aimed at the development of women's involvement in micro-enterprise must address the human resource, exposure to entrepreneurship, family support and the input of related agencies. These factors have been found to be the most influencing factors for women to be involved and succeed in the micro-enterprise.



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Di Malaysia, 50% daripada jumlah penduduknya terdiri daripada wanita (Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995). Mereka terlibat secara aktif sebagai tenaga pekerja terutamanya dalam sektor pertanian dan perindustrian. Perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan, kini telah membuka banyak peluang kepada kaum wanita untuk menyumbang dalam sektor ekonomi (Molyneux, 1977). Berikutan bertambahnya peluang pendidikan yang dinikmati oleh kaum wanita, bilangan pelajar wanita dalam aliran teknikal telah meningkat dari 4.3% pada tahun 1970 kepada 35.9% pada tahun 1990. Begitu juga dengan pengambilan pelajar wanita ke pusat pengajian tinggi telah bertambah dari 35.5% pada tahun 1980 kepada 44.3% pada tahun 1990 (RM6, 1991-1995).

Kadar penglibatan gunatenaga wanita juga turut meningkat selaras dengan perkembangan dan perubahan struktur ekonomi. Mengikut Perangkaan 1990, penyertaan wanita dalam gunatenaga ialah 46.7% (Jabatan Statistik, 1990). Terdapat 53.3% wanita lagi yang tidak



terlibat secara langsung dalam gunatenaga tetapi berpotensi membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Kumpulan ini terdiri daripada wanita yang menjadi surirumah sepenuh masa dan mereka yang berpotensi untuk melibatkan diri dalam aktiviti perusahaan mikro atau perniagaan kecil-kecilan bagi meningkatkan pendapatan keluarga.

Jika dilihat dari segi peratus agihan gunatenaga wanita di bandar dan di luar bandar, sebanyak 65.8% daripada wanita yang terlibat dalam sektor gunatenaga terdiri daripada mereka yang tinggal di luar bandar (Jabatan Statistik, 1990). Maklumat ini menunjukkan bahawa wanita di luar bandar terlibat secara aktif dalam meningkatkan taraf kehidupan keluarga melalui sumbangan ekonomi. Lovel et al. (1985) dan Zubeida (1984) mendapati wanita menyumbang jumlah pendapatan yang signifikan terhadap ekonomi keluarga terutamanya di kalangan keluarga miskin di kawasan luar bandar. Kohinoor (1989) seterusnya melaporkan di Sub-Sahara, 50-60% tenaga buruh untuk pertanian terdiri daripada wanita. Manakala Rahimah (1984), Noraini dan Faridah (1989) pula mendapati bahawa wanita yang terlibat dalam aktiviti perusahaan mikro di kawasan luar bandar di Malaysia menyumbang lebih 40% daripada pendapatan keluarga.

Aktiviti perusahaan mikro yang merupakan sebahagian daripada aktiviti peningkatan pendapatan telah mula digalakkan pada awal tahun 1980an, bertujuan menggerakkan masyarakat kampung supaya bergiat dalam bidang keusahawanan dengan menggunakan bahan mentah, kemahiran dan kepakaran tempatan untuk menghasilkan pendapatan tambahan di sektor luarbandar (RM6, 1991-1995). Program dalam aktiviti meningkatkan pendapatan keluarga disusun dan dijalankan di pelbagai agensi seperti Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Bahagian Kemajuan, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA), Jabatan Pertanian dan beberapa agensi lain. Program ini bertujuan menggalakkan penglibatan wanita di dalam aktiviti peningkatan pendapatan melalui perusahaan mikro.

Terdapat ramai wanita luar bandar yang telah berjaya mengusahakan perusahaan mikro ke tahap perusahaan yang lebih besar. Dijangkakan ramai lagi wanita sedang aktif terlibat dalam aktiviti perusahaan mikro yang boleh dimajukan sekiranya masalah dan rintangan yang dihadapi oleh wanita dalam usaha tersebut dapat diatasi. Setakat ini tiada data terkini yang menunjukkan status penglibatan wanita dalam aktiviti perusahaan mikro.

Berdasarkan kepada perbincangan ringkas di atas, kajian ini akan mengenalpasti masalah dan perkara-perkara yang membantu kejayaan wanita dalam aktiviti perusahaan mikro.

Kenyataan Masalah

Wanita yang tinggal di luar bandar kebanyakannya terdiri daripada mereka yang mempunyai tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah. Kebolehan wanita luar bandar lebih tertumpu pada kemahiran asas seperti memasak dan menjahit; oleh itu wanita yang terlibat dalam aktiviti perusahaan mikro lebih menumpukan aktiviti mereka dalam bidang pemprosesan makanan, jahitan dan kraftangan. Kebanyakan aktiviti tersebut dijalankan di rumah, dan ini memudahkan kaum wanita untuk menjalankan aktiviti domestik dan perusahaannya mereka seiringan. Memandangkan wanita mempunyai dwi peranan yang perlu dilaksanakan, sokongan keluarga amatlah perlu. Kajian ini akan cuba untuk mengenalpasti setakat manakah input keluarga mempengaruhi penglibatan wanita dalam aktiviti perusahaan mikro.

Program penglibatan wanita dalam aktiviti perusahaan mikro dijalankan di bawah Program Pembangunan Keluarga agensi pembangunan seperti KEMAS, Jabatan Pertanian dan RISDA. Data yang didapati daripada RISDA, Jabatan Pertanian, FELCRA dan lain-lain agensi menunjukkan terdapat perusahaan yang boleh berjaya dan berpotensi untuk maju walaupun terdapat masalah yang dihadapi oleh wanita. Masalah utama yang dihadapi oleh wanita yang menjalankan perusahaan mikro telah banyak dibincangkan, iaitu masalah kredit, pemasaran, bekalan bahan mentah dan kemahiran (Amriah, 1993; Lucita, 1988; dan Jasleen, 1983). Buat masa ini tidak ada badan penyelaras yang menyelaras aktiviti dan perkhidmatan yang diberikan untuk membantu mereka yang melibatkan diri dalam aktiviti perusahaan mikro. Perkhidmatan dan bantuan yang diterima oleh wanita bergantung kepada usaha wanita sendiri mendapatkan bantuan dan menyelesaikan masalah mereka.

Kegagalan atau kejayaan wanita dalam perusahaan mikro yang diusahakan banyak bergantung pada kecekalan, kebijaksanaan dan kreativiti wanita sendiri. Oleh kerana mereka mempunyai pendidikan dan kemahiran yang rendah, pengusaha wanita perlu ada dorongan diri dalaman yang kuat dan personaliti yang positif. Kajian ini akan meneliti motivasi dan aspirasi wanita yang terlibat dalam perusahaan mikro.

Laporan tahunan aktiviti perusahaan mikro di bawah Program Pembangunan Keluarga RISDA dan Jabatan Pertanian menunjukkan terdapat wanita-wanita yang berjaya meningkatkan pendapatan keluarga melalui perusahaan mikro. Terdapat juga wanita yang didapati telah mengembangkan perusahaan mikro ke tahap lebih besar. Kajian ini akan mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penglibatan wanita dalam perusahaan mikro. Persoalan yang cuba dijawab ialah apakah faktor yang menghalang dan menggalakkan wanita untuk berjaya dalam bidang berkaitan? Sebanyak manakah sumbangan ekonomi wanita yang terlibat dalam perusahaan mikro?

Kepentingan Kajian

Penglibatan wanita dalam sektor tidak formal telah lama diketahui umum (Boserup dan Liljencrantz, 1975; Nik Safiah, 1985). Walau bagaimanapun sumbangan mereka dalam sektor tersebut tidak dianggap sebagai aktiviti ekonomi yang boleh menyumbangkan kepada pembangunan dan kemajuan ekonomi.

Kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat mengenai tahap penglibatan wanita dalam aktiviti perusahaan mikro dan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan mereka. Penemuan daripada kajian boleh

dijadikan panduan kepada agensi pembangunan yang terlibat menggalakkan aktiviti perusahaan mikro mengenalpasti faktor-faktor yang boleh menggalakkan penglibatan wanita. Dapatan kajian ini juga akan mengenalpasti profil wanita yang mempunyai potensi untuk berjaya dalam aktiviti perusahaan mikro. Maklumat sedemikian adalah berguna kepada perancang program untuk menggalakkan wanita tersebut melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti perusahaan mikro. Hasil daripada kajian ini akan dapat membantu pihak perancang program menyelaraskan dan meningkatkan input mereka. Input agensi sama ada dalam bentuk wang, masa dan khidmat nasihat yang diperlukan oleh wanita boleh menjadikan aktiviti perusahaan mikro sebagai bidang usaha yang mampu memperbaiki taraf ekonomi keluarga. Langkah ini akan dapat membantu membangunkan wanita yang terlibat dalam perusahaan mikro ke tahap yang lebih ekonomik.

Objektif Am Kajian

Secara amnya kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan wanita dalam aktiviti perusahaan mikro dan menganalisis sumbangan penglibatan mereka terhadap pendapatan keluarga.